



## MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

### **TEKS UCAPAN**

YBHG. DATO' SR HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD  
**YANG DIPERTUA**  
**MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI**

### **SEMPENA**

MAJLIS PERASMIAN TAMAN KOMUNITI 3R  
SEMPENA SAMBUTAN HARI PERANCANGAN  
BANDAR SEDUNIA 2018 DAN SAMBUTAN HARI  
LANDSKAP NEGARA 2018 PERINGKAT NEGERI  
PULAU PINANG

**TARIKH / MASA / TEMPAT**  
**6 DISEMBER 2018 (KHAMIS)**  
**9.00 PAGI- 1.00 TGH HARI**

**TAMAN KOMUNITI 3R, TAMAN SELAYANG OREN**

*Disediakan oleh Jabatan Korporat dan Perhubungan Antarabangsa*

**Terima kasih Saudara / Saudari Pengacara Majlis**

**Yang Berhomat Tuan Phee Boon Poh**  
Pengerusi Jawatankuasa MMK  
Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar

**Yang Berhormat Ahli-Ahli EXCO Kerajaan Negeri Pulau Pinang**

**Yang Berhormat Dato' Seri Farizan Bin Darus**  
Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang

**Yang Berbahagia Dato' TPr Hajah Rokibah bt. Abdul Latif**  
Ketua Pengarah PLANMalaysia Pulau Pinang

**Yang Berbahagia Dato' Haji Zainuddin Bin Ahmad**  
Mantan Pengarah PLANMalaysia Pulau Pinang

**Yang Dihormati Tuan-Tuan dan Puan-Puan Ahli Majlis,**  
Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai**  
Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Penduduk-penduduk Taman Selayang Oren**

**Rakan-Rakan Media**

**Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian**

---

Assalamualaikum warahmatullahhiwabarakatuh,

Selamat pagi dan salam sejahtera,

  

---

Saya berasa amat bertuah pada hari ini kerana diberikan kesempatan untuk bersama-sama dengan YB Tuan Phee Boon Poh, Ahli-Ahli Exco, YB Dato' Seri Farizan Bin Darus, Dato' TPr Hajah Rokibah Bt Abdul Latif, Dato' Haji Zainuddin Bin Ahmad, Ahli-ahli Majlis, penduduk-penduduk Taman

Selayang Oren dan para hadirin sekalian dalam Majlis Perasmian Taman Komuniti 3R sempena Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia dan Hari Landskap Negara 2018 Peringkat Negeri Pulau Pinang.

Terlebih dahulu ingin saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kerana PLANMalaysia telah memilih Taman Selayang Oren sebagai tempat Taman Komuniti 3R yang terletak di Seberang Perai dan banyak aktiviti-aktiviti telah diadakan di sini. Daripada keadaan biasa telah bertukar kepada Taman Pembelajaran. Taman ini mempunyai Success Stories yang tersendiri.

Masyarakat akan dapat banyak faedah, kakitangan dapat ilmu dan kepakaran iaitu boleh membuat objek-objek daripada bahan kitar semula. Oleh sebab itu, kita berterima kasih kepada Ketua Pengarah PLANMalaysia dan jurulatih yang telah memberi tunjuk ajar kepada lima belas (15) orang pegawai MPSP yang terdiri daripada pegawai daripada Jabatan landskap dan tapak semaian, sembilan (9) orang pegawai PLANMalaysia, tiga (3) orang pegawai Bahagian Kerajaan Tempatan, empat (4) orang daripada Jabatan Perhutanan, satu (1) pegawai daripada Bahagian Perancang Ekonomi Negeri (BPEN) dan tiga (3) pegawai daripada Jabatan Pengairan & Saliran. Terima kasih kepada PLANMalaysia kerana telah memberikan

tenaga pengajar secara percuma kepada kakitangan MPSP untuk bengkel ini.

Bersetujuan dengan tema Hari Perancangan Bandar Sedunia dan Hari Lanskap iaitu “Bandar Untuk semua” atau “*Cities For All*” jelas menunjukkan bahawa tanggungjawab menjaga dan memelihara alam sekitar ini tidak hanya terletak di bahu Kerajaan Negeri Pulau Pinang, PLANMalaysia atau MPSP sahaja, bahkan ia merangkumi penglibatan semua pihak terutamanya seluruh penduduk Seberang Perai.

Kemudahan awam untuk orang awam ialah satu keutamaan atau tempat riadah bagi kita. Dengan adanya kawasan taman ini, banyak aktiviti kemasyarakatan dapat dilakukan, beriadah, bersukan, berjumpa atau kenduri kendara. Jika kita daripada golongan yang kurang berkemampuan untuk mengadakan kenduri atau jamuan di hotel- hotel atau dewan, kawasan lapang atau taman seperti inilah yang akan menjadi tumpuan. MPSP akan mensyaratkan setiap kawasan perumahan perlu mempunyai sekurang-kurangnya satu taman riadah. Kita mohon orang ramai, penduduk setempat supaya bertanggungjawab ke atas kebersihan dan menjaga apa sahaja kemudahan yang disediakan dalam taman ini.

Di harap penduduk Taman Selayang Oren dapat menjadi Rakan Taman MPSP sejajar dengan tema hari landskap tahun 2017 “**Gerakan Rakan Taman Untuk Kesejahteraan Penduduk Bandar**” di Seberang Perai. Setakat ini terdapat tujuh (7) rakan taman di Seberang Perai. Antaranya JKKK Sanglang, Koperasi Lestari Alam Sekitar, JKKK Nibong Tebal, Jawatankuasa Pengurusan Tokong Ang San King, JKKK Perai 2, JKKK Taman Inderawasih dan Kawasn Rukun Tetangga Taman Bagan Lalang.

Rakan Taman merupakan satu gerakan kesukarelaan dikalangan masyarakat yang berfungsi untuk sama-sama dengan Majlis menjaga dan memelihara kawasan lapang MPSP. Selain itu, dengan adanya rakan taman ini dapat membantu MPSP dalam memantau dan mencegah aktiviti vandalisme serta gejala yang tidak sihat di kawasan-kawasan tanah lapang milik MPSP. Di samping itu, ianya juga dapat menyemai kesedaran dalam kalangan masyarakat dan untuk menzahirkan sifat sayang kepada entiti landskap.

Buat masa ini, Seberang Perai telah mempunyai tiga (3) Taman Komuniti 3R. Yang pertama sekali iaitu di Seberang Perai Tengah iaitu “*Upcycle Park*” di Bandar Perda, yang ke dua di Taman Selayang Oren dan

MPSP dalam perancangan untuk mewujudkan Taman Komuniti 3R di Taman Ampang Jajar Kerian di Seberang Perai Selatan pula pada tahun 2019.

Konsep yang diperkenalkan dalam Taman Komuniti 3R di Taman Selayang Oren ini ialah *Reduce, Reuse, Recycle* dengan menggunakan tayar-tayar terpakai untuk menghasilkan komponen-komponen permainan atau perabot taman. Kawasan taman ini mempunyai komponen sedia ada seperti alat permainan bersepadu dua (2) set, buaian tiga (3) set, jongkang jongkit bagi kanak-kanak satu (1) set dan kerusi empat (4) set. Justeru, komponen-komponen baru telah disediakan melalui bengkel Taman Komuniti 3R yang telah diadakan pada 12 hingga 14 November 2018 iaitu enam (6) set teko sebagai pasu bunga, sembilan (9) set Angsa sebagai hiasan taman, lima (5) set kuda sebagai mainan kanak-kanak dan satu (1) set naga sebagai tempat duduk.

MPSP berhasrat agar suatu hari nanti, di seluruh kawasan lapang dan taman-taman rekreasi di Seberang Perai akan dilengkapi dengan kemudahan komponen-komponen rekreasi 3R. Secara tidak langsung, iaanya dapat menarik minat pengunjung setempat atau daripada luar negeri untuk bersua foto atau “selfie”.

Pada tahun 2018, MPSP telah membelanjakan sebanyak RM 540,977.50 bagi menaiktaraf landskap Seberang Perai. Ia merangkumi projek naik taraf kawasan lapang Taman Tuna Seberang Jaya, cadangan pengindahan landskap sebahagian Jalan Persekutuan (Ptmg Keling), menaiktaraf laluan basikal di Rizab Parit Monsun Jalan Perda Barat, menaiktaraf Taman Rekreasi Awam Sembilang dan Projek Komuniti melalui Konsep “1 Baby 1 Tree”. Bagi tahun 2019, MPSP akan membelanjakan sebanyak RM 1, 269,000.00 bagi lapan (8) projek naiktaraf taman rekreasi dan kawasan lapang iaitu di Taman Seri Penanti, Taman Rekreasi Desa Jawi, Sungai Acheh, Taman Alma Jaya, Taman Sukun Indah, Taman Sentul Indah, Taman Alma dan Bandar Tasek Mutiara.

Sempena Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia 2018 dan Sambutan Hari Landskap Negara 2018, penyediaan Taman Komuniti 3R ini adalah salah satu aktiviti dalam sambutan kali ini. Landskap bukan hanya pokok-pokok, perabot-perabot taman bahkan ia juga meliputi keadaan semasa kita. Bagaimana kita menghadapi cabaran masa hadapan sejajar dengan urbanisasi. Pada masa akan datang, kita perlukekalkan landskap Seberang Perai yang cantik,kekalkan bukit bukau, sawah padi, kampung-kampung serta hutan paya bakau kita. Kekalkan *natural beauty* di Seberang Perai yang menjadi identiti Seberang Perai. Kalau kita tidak berusaha ke arah itu sekarang, Seberang Perai akan berubah kerana dihimpit oleh

urbanisasi yang pesat dan kemajuan teknologi akibat keperluan penduduk yang tinggi.

Akhir kata, saya menyeru para hadirin sekalian dan amat mengalukan kerjasama daripada semua rakyat Seberang Perai untuk menjadikan kitar semula dan *segregation at source* sebagai satu amalan dalam budaya hidup seharian. Jangan buang sampah di merata tempat, jauhi vandalisme dan hargai kemudahan yang disediakan semoga ianya dapat memberi manfaat kepada seluruh penduduk. Jadikanlah kemudahan-kemudahan ini sebagai reruang rekreasi awam untuk meningkatkan tahap kesihatan dan kesejahteraan hidup dan juga sebagai platform integrasi sosial dalam masyarakat.

**Sekian, Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum  
Warahmatullahi Wabarakatuh.**

**Sekian, terima kasih.**